



# PROGRAM KTP & CSR & SULAM

FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM DAN ALAM BINA

2023



Global Technopreneur  
University 2030

Trustworthy · Professional · Innovative



# PROGRAM KTP & CSR *2023*

BIL	SENARAI PROGRAM	PENGARAH PROGRAM	TARIKH
1	KURSUS ASAS PENENTUAN ARAH KIBLAT(KTP)	PM SR. DR. MUSTAFFA BIN ANJANG AHMAD	28 MEI 2023
2	PENEROKAAN KELESTARIAN AIR PERINGKAT DAERAH PONTIAN (KTP)	DR MUHAMMAD SALLEH BIN HJ ABUSTAN	23 SEPT 2023
3	PROGRAM KIDSAFE UTHM (KTP)	PM DR. MUNZILAH BINTI MD. ROHANI	13 SEPTEMBER 2023
4	KHIDMAT MENGUKUR KELUASAN BANGUNAN DAN PAGAR MASJID JAMEK RIYADHUS SOLIHIN, PINTAS PUDING (CSR)	PM SR. DR. MUSTAFFA BIN ANJANG AHMAD	1 MAC 2023
5	PROGRAM IKHLAS RAMADHAN (CESWEC) 2023 (CSR)	DR. NORHAFIZAH BINTI SALLEH	10 APRIL 2023
6	SENTUHAN KASIH RAMADHAN (CSR)	DR. AZMAL BIN SABIL	18 APRIL 2023
7	PROGRAM MOTIVASI DAN KERJAYA OUTREACH BERSAMA PELAJAR SEKOLAH TIGS (CSR)	PM TS CHM DR RADIN MAYA SAPHIRA BINTI RADIN MOHAMED	18 APRIL 2023
8	KIDSAFE ANTARABANGSA (CSR)	PM DR. MUNZILAH BINTI MD. ROHANI	8 MEI 2023

# PROGRAM KTP & CSR **2023**

*(SAMBUNGAN...)*

BIL	SENARAI PROGRAM	PENGARAH PROGRAM	TARIKH
9	4R@COMMUNITY ANTARABANGSA	PM TS DR RAFIDAH BINTI HAMDAN	12 MEI 2023
10	AIDING TOOLS FOR THE ELDERLY (CSR)	PN NADIYAH BINTI NOOR HISHAM	22 MEI 2023
11	MYTREEVOLUTION & TREE PLANTING (CSR)	PM IR. DR. NORHASLINDA BINTI ABAS	10 JUN 2023
12	4R PROGRAM@COMMUNITY (CSR)	PM DR. NUR SHAYLINDA BINTI MOHD ZAIN	14 JUN 2023
13	PROJEK PEMBANGUNAN SISTEM DAN REPOSITORI PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA (CSR)	PM DR NICKHOLAS ANTING	27 JUN 2023 – 27 SEPT 2025

# PROGRAM SULAM **2023**

BIL	SENARAI PROGRAM	PENGARAH PROGRAM	TARIKH
1	KIDSAFE SMK SRI LALANG	PM DR. MUNZILAH BINTI MD. ROHANI	4 JANUARI 2023
2	KIDSAFE SMK SURIA PERDANA	PM DR. MUNZILAH BINTI MD. ROHANI	19 JUN 2023
3	KIDSAFE SMK TUN ISMAIL	PM DR. MUNZILAH BINTI MD. ROHANI	18 JUN 2023
4	KIDSAFE SK PINTAS PUDING	PM DR. MUNZILAH BINTI MD. ROHANI	25 MEI 2023
5	KIDSAFE HIDAYAH EDUCARE	PM DR. MUNZILAH BINTI MD. ROHANI	9 JANUARI 2023
6	KOLABORASI MODUL STRUKTUR PERTANIAN KOMUNITI ANTARA JABATAN SENI BINA, FKAAB DAN SEKOLAH RENDAH ISLAM HIDAYAH PASIRRISS BATU PAHAT	TS DR NOOR DINA BINTI MD AMIN	25 JANUARI 2023
7	PROJEK JANGKAUAN KOMUNITI UNTUK PENDIDIKAN MEKANIK BAHAN DI SMK SERI LALANG	DR NURAZUWA BINTI MD NOOR	24 MEI 2023

1


## KURSUS ASAS PENENTUAN ARAH KIBLAT (KTP)

- **Tarikh** : 28 Mei 2023
- **Tempat/platform** : Atas talian
- **Masa**: 3.00 petang-5.00 petang
- **Komuniti** : Guru-guru sekolah

**PENGARAH PROGRAM: PM SR. DR. MUSTAFFA BIN ANJANG AHMAD**

Kursus asas penentuan arah kiblat ini telah diadakan sempena National Training Week pada 28 Mei 2023 secara atas talian kepada guru-guru sekolah angkat dan sekitar Batu Pahat secara percuma. Seramai 81 orang peserta telah mengikuti kursus asas tersebut.

Dalam kursus ini, guru-guru sekolah didedahkan dengan pelbagai kaedah bagi menentukan arah kiblat iaitu dengan kiraan matematik, kompas, buruj, bayangan matahari, istiwa a'zham dan aplikasi-aplikasi tertentu. Melalui kaedah ini, peserta yang terlibat iaitu guru sekolah boleh menyemak semula arah kiblat masing-masing dirumah dan kebetulan waktu istiwa a'zham jatuh pada hari yang sama bermula pada jam 5.00 petang.



## 2 PROGRAM PENEROKAAN KELESTARIAN AIR PERINGKAT DAERAH PONTIAN(KTP)

- **Tarikh** : 23 September 2023
- **Tempat** : SMK Tan Sri Osman Mohd Sa'at, Pontian
- **Masa**: 7.30 pagi - selesai
- **Komuniti** : Guru-guru dan murid-murid sekolah

**PENGARAH PROGRAM: DR MUHAMMAD SALLEH BIN HJ ABUSTAN**

Program ini dibangunkan oleh team Conserve The Nature: Love The River yang turut bernaung dibawah pusat penyelidikan Eco-Hytech Research Centre FKAAB & MicroPollutant Research Centre. Program ini telah berlangsung pada bulan September melibatkan penyertaan 5 buah sekolah di daerah Pontian terdiri dari SMK Tan Sri Osman Mohd Sa'at ,SMK Dato' Ali Haji Ahmad, SMK Telok Kerang, SMK Pekan Nanas dan SMK Dato Mohd Yunus Sulaiman, Pekan Nanas.

Program kali ini mendapat sokongan dana dari Yayasan UTHM yang dijayakan oleh Sustainable Campus Office (SCO) UTHM dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah Pontian. Pendekatan yang dibawa kali ini iaitu pengujian rekabentuk penapis air dan air larian permukaan secara khususnya menyentuh 2 elemen utama air iaitu kualiti dan kuantiti.



- **Tarikh** : 13 September 2023
- **Tempat** : SMK Kota Masai 2
- **Komuniti** : Pelajar sekolah SMK Kota Masai 2

**PENGARAH PROGRAM: PM DR MUNZILAH BINTI MD. ROHANI**

Kidsafe UTHM dengan kerjasama Pusat pemanduan Bijak (SDRC), Perbadanan Pengangkutan Awam Johor (PAJ) dan Senai Desaru Expressway (SDE) telah menganjurkan program Kidsafe UTHM pada 13 September 2023 melibatkan 300 pelajar SMK Kota Masai 2.

Program ini diadakan bertujuan untuk menyampaikan ilmu kepada warga sekolah berkaitan keselamatan jalan raya serta kepentingan perkhidmatan pengangkutan awam yang disampaikan oleh PAJ.

Program ini diisi dengan slot ceramah, aktiviti berkumpulan dan juga soalan kuiz bertujuan menarik minat dan memberi pengetahuan baharu kepada 300 peserta yang terlibat. Melalui program ini, pelajar juga mendapat maklumat berkaitan perkhidmatan bas percuma dan tip keselamatan di lebuhraya Senai-Desaru.




## 4

## KHIDMAT MENGUKUR KELUASAN BANGUNAN DAN PAGAR MASJID JAMEK RIYADHUS SOLIHIN, PINTAS PUDING (CSR)

- **Tarikh** : 1 – 3 Mac 2023
- **Tempat** : Masjid Jamek Riyadhus Solihin, Pintas Puding
- **Komuniti** : Jemaah di masjid dan penduduk berdekatan

**PENGARAH PROGRAM:** PM SR. DR. MUSTAFFA BIN ANJANG AHMAD

Penganjuran program ini adalah di bawah program khidmat masyarakat (CSR) di Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB) dengan kerjasama Center of Applied Geomatics for Disaster Prevention (CAGED). Program ini bertujuan untuk memberikan khidmat bantuan mengukur keluasan bangunan dan pagar Masjid Riyadhus Solihin, Pintas Puding bagi memudahkan pihak masjid membuat permohonan peruntukkan kewangan dari Jabatan Agama Islam Negeri Johor bagi mengecat bangunan dan pagar masjid.





- **Tarikh** : 10 April 2023
- **Tempat** : Sekitar Batu Pahat
- **Komuniti** : Mangsa bencana alam, masyarakat luar bandar dan warga OKU sekitar Batu Pahat

**PENGARAH PROGRAM: DR. NORHAFIZAH BINTI SALLEH**

Program ini adalah dibawah Unit Amal CESWEC. Sumbangan berbentuk wang ringgit dan juga 40 bungkusan makanan asasi telah diedarkan kepada mangsa bencana alam, masyarakat luar bandar dan warga OKU sekitar Batu Pahat.



- **Tarikh** : 18 April 2023
- **Tempat** : Wisma Yatim Batu Pahat
- **Komuniti** : Anak-anak yatim Batu Pahat

Seramai 68 anak-anak yatim dirai dalam program 'Sentuhan Kasih Ramadan' anjuran Kelab Architecture Brigade dan Kelab Kebajikan Staf Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (CESWEC), Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Kelab Kebajikan Staf Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (CESWEC) telah mengumpul sumbangan sebanyak RM 2,900.00. Program dengan kerjasama Wisma Yatim Batu Pahat itu diisi dengan majlis berbuka puasa, solat sunat tarawih dan penyampaian sumbangan tunai duit raya serta barangan keperluan diri kepada kumpulan anak yatim terbabit.

**PENGARAH PROGRAM: DR. AZMAL BIN SABIL**


# 7

## PROGRAM MOTIVASI DAN KERJAYA OUTREACH BERSAMA PELAJAR SEKOLAH TIGS (CSR)

- **Tarikh** : 18 April 2023
- **Tempat** : Sekolah Menengah Kebangsaan (Perempuan) Temenggong Ibrahim
- **Komuniti** : Pelajar sekolah TIGS

**PENGARAH PROGRAM: PM TS CHM DR RADIN MAYA SAPHIRA BINTI RADIN MOHAMED**

Program ini berlangsung selama 2 jam bermula jam 10 pagi sehingga 12 tengah hari dimana penceramah berkongsi pengalaman serta tips-tips untuk menjadi menjadi pelajar yang cemerlang dalam bidang akademik dan sahsiah. Penceramah juga berkongsi pengalaman bagaimana untuk memilih jurusan yang sesuai mengikut minat masing-masing. Pelajar juga didedahkan dengan elemen kesedaran kualiti air menggunakan pendekatan macroinvertebrata yang telah disampaikan oleh Dr Noramani Filzah Mohd Kamil.



**PENGARAH PROGRAM: PM DR MUNZILAH MD. ROHANI**

- **Tarikh** : 8 Mei 2023
- **Tempat** : Madrasah Ibtidaiyah Alam Robbani, Kota Bks, Jawa Barat Indonesia.
- **Komuniti** : Murid dari Madrasah Ibtidaiyah Alam Robbani

Kidsafe antarabangsa ini kerjasama antara FKAAB dan juga Universitas Mercu Buana pertama kalinya telah di adakan di Jawa Barat Indonesia. Seramai 22 orang siswa FKAAB dan siswa Universitas Mercu Buana (10 dari FKAAB dan 12 dari UMB) berganding bahu melaksanakan program SULAM KidSafe yang dihadiri oleh hampir 60 murid dari Madrasah Ibtidaiyah Alam Robbani.

Program ini merupakan kaedah pengajaran berasaskan kelas kepada komuniti yang dijalankan dalam suasana pembelajaran aktif luar kelas. Matlamat utama SULAM KidSafe ini adalah untuk menggalakkan siswa UTHM dan UMB supaya kreatif dan inovatif untuk menyumbang dan berkongsi pengetahuan mereka berkaitan keselamatan jalan raya kepada masyarakat. Melalui kaedah ini, siswa juga dapat menggunakan dan mempertingkatkan kemahiran kognitif, psikomotor dan afektif untuk berkomunikasi secara berkesan dan bekerja dalam satu pasukan.



- **Tarikh** : 12 Mei 2023
- **Tempat** : Sekolah Madrasah Ibtidaiyah (MI) Alam Robbani di Jatisampurna, Bekasi, Jawa Barat, Indonesia
- **Komuniti** : Murid sekolah Madrasah Ibtidaiyah (MI) Alam Robbani

Program berbentuk pemindahan ilmu yang bertajuk '4R@Community' itu diadakan di Sekolah Madrasah Ibtidaiyah (MI) Alam Robbani yang terletak di Jatisampurna, Bekasi, Jawa Barat, Indonesia. Dua pensyarah dan 10 pelajar sarjana muda Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah melaksanakan program mobiliti antarabangsa melibatkan kerjasama Universitas Mercu Buana (UMB), Jakarta.

Program 4R@Community itu juga diadakan bertujuan untuk menerapkan nilai-nilai murni kepada generasi muda iaitu reduce, reuse, recycle dan recovery dalam menguruskan sisa harian. Melalui program itu, transformasi sisa makanan kepada produk lain dapat dilakukan secara hands-on, di samping dapat mengalakkan lagi budaya kitar semula sisa dalam kalangan masyarakat dan melupuskannya di tempat pelupusan sampah.

### PENGARAH PROGRAM: PM TS DR RAFIDAH BINTI HAMDAN



# 10 AIDING TOOLS FOR THE ELDERLY (CSR/SULAM)

- **Tarikh** : 22 Mei 2023
- **Tempat** : Pusat Jagaan Warga Tua Maimunah
- **Komuniti** : Warga Tua di Pusat Jagaan Warga Tua Maimunah

## PENGARAH PROGRAM: PN NADIYAH BINTI NOOR HISHAM

Seramai 22 penuntut tahun satu program Ijazah Sarjana Muda Sains Senibina, (FKAAB), berjaya menghasilkan reka bentuk prototaip alat bantuan untuk warga tua yang dibimbing oleh tiga pensyarah iaitu Pn. Nadiyah Noor Hisham, Dr. Azmal Sabil dan En. Nasrul Arif Ahmad Mahmud. Idea reka bentuk alat bantuan itu telah dipertontonkan dalam satu sesi demonstrasi di Pusat Jagaan Warga Tua Maimunah. Antara aspek yang dikaji adalah berkaitan dengan pergerakan yang terbatas, sokongan bagi keseimbangan ketika pergerakan dan juga aktiviti harian seperti memakai kasut dan baju.

Kumpulan sasaran adalah warga tua berumur 60 ke atas yang memerlukan alat bantuan bagi membantu mereka mengendalikan kehidupan seharian dengan lebih baik.



- **Tarikh** : 10 Jun 2023
- **Tempat** : Hutan Simpan Ayer Hitam Utara
- **Komuniti** : Pengunjung di Hutan Simpan Ayer Hitam Utara

**PENGARAH PROGRAM: PM IR DR NORHASLINDA BINTI ABAS**

Program 'Mytreevolution & Tree Planting with Cancer Survivor' telah diadakan di Hutan Simpan Ayer Hitam Utara, Johor merupakan program kerjasama antara KKA, SYKTLJ dan JPNJ. Program ini diadakan dengan tujuan memenuhi tuntutan Kempen Penanaman 100 Juta Pokok iaitu program penghijauan Malaysia peringkat negeri Johor. Antara aktiviti yang dijalankan adalah bersama-sama menanam anak pokok Salam (*Syzgium Polyanthum*) di kawasan Hutan Simpan Ayer Hitam Utara. Disamping itu juga, peserta dibawa menelusuri kawasan Hutan Simpan dengan dipandu oleh kakitangan JPNJ serta diberi penerangan mengenai spesies flora dan fauna yang terdapat di Hutan Simpan Ayer Hitam Utara. Program ini dapat menerapkan kepentingan kehijauan dalam alam sekitar kita dan merasai sendiri pengalaman menanam pokok Salam dikawasan tersebut.



# 12

## PROGRAM 4R@COMMUNITY BERSAMA SEKOLAH ANGKAT SK SERI REJO SARI (CSR)

- **Tarikh** : 14 Jun 2023
- **Tempat** : Sekolah Kebangsaan Seri Rejo Sari, Senggarang, Batu Pahat.
- **Komuniti** : Warga sekolah kebangsaan Seri Rejo Sari

**PENGARAH PROGRAM: PM DR NUR SHAYLINDA BINTI MOHD ZAIN**

Program 4R@community merupakan lanjutan program yang telah diadakan di Sekolah Madrasah Ibtidaiyah (MI) Alam Robbani yang terletak di Jatisampurna, Bekasi, Jawa Barat, Indonesia pada 12 Mei 2023 lalu. Program berbentuk pemindahan ilmu yang bertajuk 4R@Community juga telah diadakan di sekolah angkat FKAAB iaitu SK Seri Rejo Sari, Senggarang, Batu Pahat pada 14 Jun 2023. Menurut penyelar program, PM Dr. Nur Shaylinda Mohd Zain, program anjuran bersama Pejabat Kampus Lestari (SCO) dan Pusat Kecemerlangan Pencemar Mikro (MPRC) ini sebahagian daripada aktiviti pengajaran dan pembelajaran kursus Kejuruteraan Persekitaran (BFC32403) bagi semester 2 sesi 2022/2023. Program ini bertujuan utk menerapkan kesedaran kepada murid-murid berkaitan reduce, reuse, recycle and recovery dalam menguruskan sisa harian.





- **Tarikh** : 27 JUN 2023 – 27 SEPT 2025
- **Tempat** : Kementerian Pendidikan Tinggi Aras 9 No 2 Menara 2 Jalan P5/6 Presint 5 Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya.
- **Komuniti** :

Projek PEMBANGUNAN SISTEM DAN REPOSITORI PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA (CSR) adalah untuk menggantikan sistem pengurusan journal sedia ada iaitu MYJURNAL, MYCITE dan MYJMS. Pembangunan Sistem Repositori Ini bertujuan menambahbaik dan mengukuhkan fungsi sistem secara bersepadu.

Projek ini memberi impak kepada Sistem dan Repositori Penerbitan Ilmiah Malaysia yang baru ini bersifat Bersepadu dan Berdaya Saing Dengan Repositori Antarabangsa Seperti Scopus dan Wos.

**PENGARAH PROGRAM: PM IR DR NICKHOLAS ANTING ANAK GUNTOR**



- **Tarikh** : 19 Jun 2023
- **Tempat** : SMK Seri Perdana
- **Komuniti** : Pelajar sekolah SMK Seri Perdana

**PENGARAH PROGRAM: PM DR MUNZILAH MD. ROHANI**


Kidsafe UTHM telah dijalankan di 8 sekolah pada sem 2 22/23. SMK Seri Perdana adalah program kidsafe terakhir pada bulan Jun 2023.

Kaedah Pengajaran Imersif Class to Community (C2C) yang dilaksanakan melalui projek KidSafe UTHM, Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB), UTHM dijalankan dalam suasana pembelajaran aktif di luar kelas. Terdapat pelbagai pendekatan secara kreatif dilaksanakan dalam program keselamatan jalan raya.


Manakala elemen Service Learning Malaysia-University for Society (SULAM) diterapkan untuk memperkayakan pengalaman pembelajaran pelajar dengan menekankan pembelajaran dan refleksi timbal balik. Manakala amalan kejuruteraan yang diterapkan melibatkan aspek keselamatan jalan raya seperti yang telah dipelajari dalam kelas BFC 32302 (Traffic Engineering & Safety).

# 15 KOLABORASI MODUL STRUKTUR PERTANIAN KOMUNITI ANTARA JABATAN SENI BINA, FKAAB DAN SEKOLAH RENDAH ISLAM HIDAYAH PASIRRISS BATU PAHAT (SULAM)

- **Tarikh** : 25 Januari 2023
- **Tempat** : Sekolah Rendah Islam Hidayah Pasirris, Batu Pahat
- **Komuniti** : Warga sekolah Rendah Islam Hidayah Pasirris, Batu Pahat

Selaras dengan aspirasi kementerian pengajian tinggi yang ingin menghubungkan sektor pengajian tinggi bersama pihak industri dan komuniti, pihak jabatan senibina mengambil inisiatif untuk menjalankan melaksanakan projek kolaborasi dengan pihak sekolah rendah islam hidayah pasirris bagi sebuah projek pembangunan modul struktur bagi pertanian komuniti dan sasaran lokasi di parit raja. Projek ini melibatkan seramai 26 orang pelajar tahun 2, semester 1 sesi pengajian 2022/2023, program ijazah sarjana muda sains senibina, fkaab. Lima buah struktur modular telah dibangunkan sebagai alat bahan bantu mengajar kepada pihak guru-guru di SRIH untuk memberi pendedahan kepada murid-murid seterusnya dimanfaatkan kepada keluarga komuniti sekitar kawasan sekolah. Hasil pembangunan struktur modular telah diserahkan sepenuhnya kepada pihak sekolah untuk dimanfaatkan bersama

## PENGARAH PROGRAM: TS DR NOORDINA BINTI MD AMIN



# 16 PROJEK JANGKAUAN KOMUNITI UNTUK PENDIDIKAN MEKANIK BAHAN DI SMK SERI LALANG (SULAM)

- **Tarikh** : 24 Mei 2023
- **Tempat** : Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Lalang Jalan Air Hitam 86100 Kluang Johor.
- **Komuniti** : Warga Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Lalang Jalan Air Hitam

**PENGARAH PROGRAM: DR NURAZUWA BINTI MD NOOR**

Pada 24 mei 2023, telah berlangsungnya satu program sulam di bawah projek jangkauan komuniti untuk pendidikan mekanik bahan yang dianjurkan oleh pelajar kursus mekanik bahan (bfc20903 ) dengan kerjasama SMK Seri Lalang, Kluang johor. Program ini bertujuan untuk memberi pengenalan dan pendedahan tentang kejuruteraan awam secara asas kepada pelajar selain dapat memupuk minat kepada science, technology, engineering and mathematics (stem). Melalui program ini juga, pelajar uthm yang terdiri daripada 45 pelajar dapat memahami teori yang dipelajari dan meningkatkan kemahiran insaniah. Program dimulakan dengan ucapan pembukaan oleh cik zahidah zamri disusuli dengan knowledge transfer oleh prof. Madya ir dr norwati jamaluddin. Seterusnya slot aktiviti berkumpul bersama fasilitator mengambil tempat sehingga selesai.





Terima kasih



Global Technopreneur  
University 2030

Trustworthy · Professional · Innovative

